

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN
[STAMPIN]
TARIKH : 05 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah BSH yang telah dibayar dalam tahun 2020 dan 2021 dan angka pecahan untuk setiap negeri dan wilayah and bilangan penerima BSH.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di bawah Belanjawan 2021, Bantuan Sara Hidup atau BSH telah ditambah baik kepada Bantuan Prihatin Rakyat atau BPR, di mana liputan bantuan tunai BPR telah diperluaskan hampir sekali ganda sehingga memanfaatkan **hampir 8.4 juta penerima berbanding 4.5 juta penerima BSH pada tahun 2020.**

2. Liputan penerima BPR telah diperluaskan kepada golongan bujang berumur 21 tahun dan ke atas berbanding dengan umur 40 tahun dan ke atas di bawah BSH. Selain itu, kategori BPR merangkumi isi rumah dengan pendapatan sehingga 5 ribu ringgit sebulan berbanding dengan 4 ribu ringgit sebulan di bawah BSH. Kenaikan kelayakan ini adalah selaras dengan nilai ambang pendapatan isi rumah B40 mengikut Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

3. Pada tahun 2020, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak 5 bilion ringgit yang memberi manfaat kepada hampir 4.5 juta penerima. Manakala bagi tahun 2021, jumlah penerima BPR seluruh negara adalah 8.5 juta yang melibatkan perbelanjaan sebanyak 9.2 bilion ringgit.

4. Bagi tahun ini, Sarawak telah menerima bantuan ketiga terbesar sebanyak **997 juta ringgit dengan jumlah penerima seramai 885 ribu. Ini merupakan penambahan daripada nilai bantuan pada 2020 sebanyak 574 juta ringgit bagi 507 ribu penerima.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN [SUBANG]
TARIKH : 05 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) yang telah dikeluarkan dan bakal dikeluarkan untuk tahun kewangan penuh 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan sehingga Julai 2021 adalah sebanyak 135.3 bilion ringgit yang diperoleh melalui terbitan instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) sebanyak 47.5 bilion ringgit, Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sebanyak 48 bilion ringgit, bil Perbendaharaan sebanyak 34.5 bilion ringgit dan pinjaman luar pesisir melalui terbitan Sukuk Global 2021 sebanyak 5.3 bilion ringgit. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 58.5 bilion ringgit adalah untuk membiayai semula (atau *refinance, dengan izin*) hutang terdahulu yang matang dan RM76.8 bilion untuk membiayai defisit fiskal termasuk *dengan izin prefund* hutang yang akan matang dalam tahun semasa.

2. Dalam membiayai defisit fiskal ini, terimaan pinjaman ini digunakan untuk perbelanjaan pembangunan sebanyak 30.2 bilion ringgit dan Kumpulan Wang COVID-19 sebanyak 20.3 bilion ringgit, merangkumi Bantuan Prihatin Rakyat, Bantuan Prihatin Nasional, Program Subsidi Upah, Geran Khas Prihatin, perbelanjaan berkaitan COVID-19, sokongan bantuan sosial untuk golongan mudah terjejas dan projek berskala kecil.

3. Untuk makluman YB, jumlah pinjaman kasar keseluruhan Kerajaan Persekutuan tahun 2021 adalah berdasarkan kepada keperluan defisit tahunan yang pada masa ini disasarkan antara 6.5% hingga 7% kepada KDNK serta kalendar lelongan yang telah dijadualkan. Maklumat tersebut akan dilaporkan di dalam Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil 2022 yang akan dikeluarkan semasa Belanjawan 2022.

Sekian, terima kasih.